

B607  
NEGARA-BSN

1982

KUALA LUMPUR, 23 MAC (BERNAMA)-- KERAJAAN AKAN TERUS MENINGKAT -KAN LAGI KEMAMPUAN BIRO SIASATAN NEGARA (BSN) SUPAYA DAPAT MENJALAN-KAN TINDAKAN DENGAN LEBIH TEGAS DAN BERKESAN, DEWAN NEGARA DIBERITAHU HARI INI.

PENUKARAN NAMA BSN KEPADA BADAN PENCEGAH RASUAH IALAH UNTUK MENCERMINKAN DENGAN LEBIH TEPAT PERANAN BIRO TERSEBUT SEBAGAI INSTITUSI YANG DITUGAS UNTUK MEMBENTRAS RASUAH, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

MENJAWAB PERTANYAAN SENATOR V.V.ABOO, PERDANA MENTERI MENJELAS BAHAWA RANG UNDANG-UNDANG MENGENAI PERTUKARAN NAMA BSN KEPADA BPR AKAN DIBENTANGKAN DALAM SIDANG DEWAN SEKARANG.

PADA KESELURUHANNYA KERAJAAN ADALAH PUAS HATI DENGAN PRESTASI BSN DALAM MENGENDALIKAN KES-KES RASUAH SEKARANG INI.

MALAHAN BSN TELAH DAN SEDANG BERGERAK DENGAN LEBIH AKTIF DI SELURUH NEGARA MELALUI AKTIVITI-AKTIVITI PENCEGAHAN DAN SIASATAN YANG TELAH MENGHASILKAN TANGKAPAN BEBERAPA ORANG DAN KUMPULAN TERTENTU YANG DISYAKI MENYALAHGUNAKAN KUASA UNTUK KEPENTINGAN DIRI MEREKA SENDIRI, KATANYA.--BERSAMBUNG 1617/RD

B608  
NEGARA-BSN 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI TINDAKAN BSN BERHUBUNG DENGAN CARA PUNGUTAN WANG DERMA YANG DIKELOLAKAN OLEH KELAB SUKAN JABATAN KERJA RAYA NEGERI SEMBILAN BARAU-BARU INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERPENDAPAT BAHAWA BSN TELAH MENJALANKAN TUGASNYA SEJAJAR DENGAN KEHENDAK SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 19 TAHUN 1969.

SURAT PEKELILING YANG DIKELUARKAN PADA BULAN OKTOBER, 1969 ITU MENEGAH JABATAN KERAJAAN MENGUTIP DERMA DARI FIRMA-FIRMA ATAU ORANG PERSEORANGAN UNTUK MEMBIAYAI KEGIATAN SUKAN MASING-MASING.-- BERNAMA 1623/RD